Jurnal Syariah, Jil. 32, Bil. 2 (2024) 275-299
Print ISSN: 0128-6730
e-ISSN: 0127-1237

Submitted Date: 24 May 2024
Accepted Date: 31 July 2024
Published Date: 31 August 2024

ḤURRIYAT AL-TAṢARRUF DALAM AMALAN PEMILIKAN TANAH DI FELDA

Ḥurriyat al-Taṣarruf in FELDA's Land Ownership Practice

Muhamat Faizal bin Marjani[1]
Fahimah Mohd Razif[2]
Abdul Karim Ali[3]
Ariyanti Mustapha[4]

ABSTRACT

The ownership of land in FELDA (Federal Land Development Authority) is unique due to several restrictions arising from legal provisions and agreements. These restrictions have led to various interpretations regarding the practice of land ownership

1 Ph.D Candidate, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, s2035453@siswa.um.edu.my / faizalkarqun@gmail.com

2 Corresponding Author. Associate Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, norfahimah@um.edu.my

3 Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, abdkarim@um.edu.my

4 Senior Lecturer, Department Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, ariyanti@um.edu.my

in FELDA, thereby denying the element of ḥurriyat al-taṣarruf (freedom to conduct any transaction). Therefore, the objective of this study is to explain the concept of ḥurriyat al-taṣarruf and its controlling instruments according to Islamic principles, describe the concept of land ownership in FELDA, and analyze the existence of ḥurriyat al-taṣarruf in land ownership practices within FELDA. A qualitative methodology with a grounded theory research approach is used through continuous comparison of all the obtained data from documents and interviews. The study finds that the restrictions enacted in the GSA Act 1960 represent taṣarruf al-imām (actions of the leader) to protect the economic interests of the people. Although restrictions in ownership and rights exist in the practice of land ownership in FELDA, this does not negate the existence of ḥurriyat al-taṣarruf, as evidenced in the practices of land transfer, inheritance, waqf land, and agricultural land management. Further studies need to be conducted, particularly in suggesting improvements in land ownership practices in FELDA based on the fiqh framework.

Keywords: *restrictions in land ownership, waqf, ownership transfer, FELDA, taṣarruf, maslahat*

PENDAHULUAN

Memahami konsep *ḥurriyat al-taṣarruf* dalam pemilikan tanah adalah penting atas beberapa faktor. Dalam perspektif Islam, semua tanah adalah milik Allah, dan manusia diberi amanah untuk mengurus dan memanfaatkannya[5]. Memahami konsep *ḥurriyat al-taṣarruf* membantu pemilik tanah menyedari bahawa hak pemilikan tanah merupakan *waẓīfah ijtimā'iyyah* (tanggungjawab sosial), yang mengambil kira kepentingan masyarakat, dan bukan hanya untuk kepentingan peribadi semata-mata[6]. Justeru, memahami konsep *ḥurriyat al-taṣarruf* dalam konteks pemilikan tanah di FELDA membantu mengukuhkan kefahaman sedia ada terhadap tanggungjawab manusia kepada tanah serta mengenalpasti bentuk-bentuk kawalan kebebasan ber*taṣarruf* yang dibenarkan syariat. Bagi mencapai

[5] Ali Akbar, 'Konsep Kepemilikan Dalam Islam', *Jurnal Ushuluddin,* vol. 18/2 (2012): 126.

[6] 'Abd al-Hamid Mutawalli, *Mabādi' Niẓām al-Ḥukmi fī al-Islām,* edisi ke-3 (Iskandariah, Misr: Mansha'ah al-Ma'arif, 1977), 314.

objektif kajian yang ditetapkan, metodologi kualitatif digunakan dengan pendekatan kajian berasaskan teori untuk membandingkan segala data yang berkaitan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kertas kajian ini adalah untuk: (1) menghuraikan konsep *ḥurriyat al-taṣarruf* dalam pemilikan tanah Islam, (2) menghuraikan konsep pemilikan tanah di FELDA, dan (3) menganalisis *ḥurriyat al-taṣarruf* dalam pemilikan tanah di FELDA.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kualitatif yang mengaplikasikan pendekatan kajian berdasarkan teori. Creswell dan Poth telah menggariskan lima jenis kajian kualitatif. Ini merangkumi: (1) kajian naratif, (2) kajian fenomenologi, (3) kajian berdasarkan teori, (4) kajian etnografi, dan (5) kajian kes[7]. Kajian ini memperolehi data daripada dokumen dan temu bual berhubung batasan dalam pemilikan (*taḥdid al-milkiyyah*), batasan dalam melaksanakan hak-hak pemilikan (*al-quyūd*), kaedah-kaedah fiqh dalam pembatasan *taṣarruf*, sama ada dalam amalan pemilikan tanah Islam ataupun pada amalan pemilikan tanah di FELDA.

Untuk memastikan kebolehpercayaan dan ketepatan teori, triangulasi kepada teori-teori di atas dilaksanakan menerusi analisis perbandingan berterusan[8] dan analisis abduktif[9] terhadap pelbagai literatur yang berkaitan.

PEMILIKAN TANAH DALAM ISLAM

Dalam Islam, manusia bukanlah pemilik hakiki tanah kerana semua harta adalah milik Allah Ta'ālā[10]. Manusia hanyalah pemegang amanah yang bertanggungjawab menjaga tanah mengikut syariat.

---

7 John W. Creswell dan Cheryl N. Poth, *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (United Kingdom: SAGE Publications, 2018), 8.

8 Analisis perbandingan dalam pendekatan kajian berasaskan teori yang terdiri daripada perbandingan kod terbuka, kod aksial, dan kod selektif secara berulang-ulang.

9 Gabungan analisis induktif dan deduktif bertujuan untuk meneroka teori baru.

10 M. Arsyad Kusyasy, 'Konsep Pembatasan Hak Milik (Tahdid al-Milkiyyah) dan Pengambilan Hak Milik atas Tanah (al-Ta'mim) Menurut Syariat Islam', *Al-*

Walaupun semua tanah adalah kepunyaan Allah, pada masa yang sama syariat turut mengiktiraf hak manusia untuk memiliki tanah[11]. Oleh itu, pemilikan tanah boleh dibahagikan kepada tiga jenis: (1) pemilikan khusus, (2) pemilikan awam, dan (3) pemilikan negara[12]. Pemilikan tanah khusus merujuk kepada tanah yang dimiliki oleh individu, sekumpulan orang, atau organisasi tertentu. Dalam Islam, pemilikan ini dilindungi oleh syariat menerusi kuasa dan naungan pemerintah[13].

Tanah pemilikan awam pula pada hakikatnya adalah milik Tuhan, tetapi secara simbolik boleh dikatakan tanah tersebut dimiliki secara bersama oleh umat Islam[14]. Oleh kerana umat dianggap sebagai pemilik tanah dalam kategori ini, mereka secara teorinya mempunyai hak untuk menguruskan tanah-tanah pemilikan awam. Walau bagaimanapun, adalah mustahil untuk semua pihak menguruskan tanah ini secara bersama, memandangkan keinginan dan kehendak pengurusan tanah antara individu berbeza-beza. Oleh demikian, pihak yang paling sesuai untuk mewakili umat menguruskan tanah pemilikan awam ialah pemerintah atau *ulil amri*. Antara contoh tanah milik awam adalah tanah wakaf. Secara hakikatnya, pemilikan tanah wakaf dimiliki oleh Allah, tetapi secara simboliknya tanah wakaf dimiliki oleh umat kerana tanah wakaf tidak dimiliki oleh sesiapa, sama ada individu mahupun negara secara khusus[15]. Walau bagaimanapun, untuk memelihara kewujudan tanah berkenaan agar dapat dimanfaatkan oleh umat, tanah

---

Mawarid, vol. 9 (2003): 71; Ali Akbar, 'Konsep Kepemilikan Dalam Islam', 126.

11 Nuzhat Iqbal, 'The Concept of Land Ownership in Islam and Poverty Allevation in Pakistan', *The Pakistan Development Review*, vol. 39/4 Part 2 (2000): 652.

12 Muhammad Nejatullah Siddiqqi, *Pemikiran Ekonomi Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989), 4; Jomo Kwame Sundaram, *Alternatif Ekonomi Islam: Perspektif Kritis dan Haluan Baru* (Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996), 88; Muhammad Yusuf, *Economic Justice in Islam,* edisi ke-2 (Lahore: SH Muhammad Ashraf, 1977), 16-39; Nawi Abdullah, 'Konsep Pemilikan dalam Islam', *Jurnal Usuluddin*, vol. 19 (2004): 26.

13 Muhammad Hashim Kamali, 'The Limits of Power in an Islamic State', *Islamic Studies Quarterly Journal,* vol. 28/4 (1989): 344, http://www.jstor.org/stable/20839967, diakses pada 19 Mei 2024; Siti Malinumbay, 'The Concept of Land Ownership: Islamic Perspective', *Buletin Geoinformasi,* vol. 2/2 (1998): 289 & 290.

14 M. Arsyad Kusyasy, 'Konsep Pembatasan Hak Milik (Tahdid al-Milkiyyah) dan Pengambilan Hak Milik atas Tanah (al-Ta'mim) Menurut Syariat Islam', 71.

15 Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā & 'Ali al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhajī 'alā Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī,* edisi ke-3, vol. 5 (Bayrut: Dar al-Fikr, 1992), 28.

berkenaan perlu diselia oleh pemerintah selaku pemegang amanah kepada sekalian umat[16].

Selanjutnya, tanah pemilikan negara pula merupakan tanah yang dimiliki oleh kerajaan, dan kerajaan mempunyai hak untuk bebas ber*taṣarruf* terhadap tanah berkenaan. *Ulil amri* boleh mengurniakan tanah pemilikan negara kepada mana-mana individu mahupun organisasi secara *iqṭa'*. *Iqṭa'* secara pemilikan sempurna (*milk al-tām*) disebut sebagai *iqṭā' tamlik*, manakala *iqṭā'* secara pemilikan tak sempurna (*milk al-nāqiṣ*) disebut sebagai *iqṭā' istighlāl*[17]. Sesudah tanah di*iqṭā'*, pemilikan tanah berkenaan berpindah kepada pemilik baharu sebagai tanah pemilikan khusus. Tanah pemilikan negara juga boleh diwakafkan sebagai wakaf *irṣad* untuk kepentingan ummah dan secara tak langsung status pemilikan tanah berubah menjadi tanah pemilikan awam.

Umumnya, pemilikan harta termasuklah pemilikan tanah dalam Islam perlu mematuhi lima konsep yang berikut[18]: (1) segala hak, termasuklah pemilikan tanah, mestilah selari dengan syariat, (2) pelaksanaan hak mestilah berasaskan *maṣlaḥah* yang diiktiraf, (3) hak individu adalah terpelihara dalam Islam, tetapi terdapat batasan tertentu berdasarkan pertimbangan *maṣlaḥah*, (4) hak pemilikan terikat dengan sekatan (*al-quyūd*) serta batasan (*al-taḥdīd*) tertentu, dan (5) pembatasan *taṣarruf* dibenarkan sekiranya diperlukan, seperti yang dilakukan oleh Khalifah 'Umar yang pernah membataskan umat Islam memakan daging dua hari berturut-turut semasa Hari Kebuluran, dan batasan bernikah dengan wanita kitabiyyah (ahli kitab)[19].

---

16 Nawi Abdullah, 'Konsep Pemilikan dalam Islam', 31; Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā & 'Ali al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhajī 'alā Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī*, 33.

17 Wahbah al-Zuhayli, *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, edisi ke-2, vol. 5 (Dimashq: Dar al-Fikr, 1985), 577; Al-Mawardi, *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah al-Wilāyāt al-Diniyyah* (Kuwayt: Dar Ibn Qutaibah, 1989), 253; Muhamad Hafizullah & Md Yazid, 'Syarat-syarat Iqta' dalam Undang-undang Tanah Islam', *Fikiran Masyarakat,* vol. 5/3 (2017): 108-109.

18 Ida Madieha, 'Intellectual Property Laws and Islam in Malaysia' (Tesis Ph.D, Queen Mary & Westfield College, London, 1995), 270.

19 Jufriadi Ramli & Ibnor Azli Ibrahim, 'Perkahwinan dengan Wanita Ahli Kitab Menurut Ijitihad 'Umar bin al-Khattab', *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Social Sciences,* vol. 5/2 (2022): 18.

ḤURRIYAT AL-TAṢARRUF DALAM PEMILIKAN TANAH ISLAM

Ḥurriyat al-taṣarruf dalam konteks pemilikan tanah merujuk kepada konsep kebebasan mengurus dan memanfaatkan tanah oleh seseorang pemilik tanah. Dalam syariat Islam, konsep ini menggambarkan kebebasan pemilik tanah dalam menggunakan, memajukan, malah memindahkan pemilikan tanah mengikut kehendak mereka, dengan syarat tidak melanggar apa-apa prinsip syariah.

Ḥurriyat al-taṣarruf merupakan sebuah hak yang wujud daripada hubungan antara seseorang dengan sesuatu, sama ada hubungan tersebut dalam bentuk: (1) hubungan kepemilikan (*al-milkiyyah*) seperti hubungan pemilik tanah dengan tanah miliknya, (2) hubungan pemanfaatan (*al-intifā'iyyah*) seperti hubungan antara penyewa tanah dengan tanah yang disewanya, dan (3) hubungan penggunaan (*al-irtifāqiyyah*) seperti hubungan orang awam dengan sungai untuk mendapatkan air daripadanya.

Ḥurriyat al-taṣarruf dalam pemilikan tanah yang diiktiraf oleh Islam tidak bermaksud manusia mempunyai kebebasan mutlak terhadap tanah yang dimilikinya[20]. Pemilik tanah perlu menyedari bahawa pemilik mutlak segala tanah di dunia adalah Allah Ta'ālā, manakala manusia hanyalah sebagai khalifah yang bertanggungjawab untuk memakmurkan tanah tersebut mengikut kehendak-Nya[21].

Oleh itu, terdapat kawal selia dalam *ḥurriyat al-taṣarruf* terhadap pemilikan tanah untuk memastikan *taṣarruf* terhadap pemilikan tanah seiring dengan syariat. Kawal selia tersebut adalah: (1) sekatan pelaksanaan hak (*quyūd mumārasat al-ḥuqūq*)[22], (2) pembatasan pemilikan (*taḥdīd al-milkiyyah*)[23], dan juga (3) pelucutan pemilikan (*intizā' al-milkiyyah*)[24].

Konsep kawal selia dalam *ḥurriyat al-taṣarruf*, seperti *quyūd mumārasat al-ḥuqūq* yang disebutkan di atas, diperkenalkan untuk mengelakkan kemudaratan dan bukanlah sesuatu yang asing dalam syariat Islam[25]. Asas

---

[20] 'Abd al-Hamid Mutawalli, *Mabādi' Niẓām al-Ḥukmi fī al-Islām*, 314.

[21] Siti Mariam Malinumbay, 'The Concept of Land Ownership: Islamic Perspective', 293.

[22] Mohammad Muhibbin, 'Perspektif Hukum Islam Tentang Konsep Penguasaan Tanah', *Al-Risalah Forum Kajian Hukum dan Sosial Kemasyarakatan,* vol. 17/1 (2017): 69.

[23] M. Arsyad Kusyasy, 'Konsep Pembatasan Hak Milik (Tahdid al-Milkiyyah) dan Pengambilan Hak Milik atas Tanah (al-Ta'mim) Menurut Syariat Islam', 72.

[24] M. Arsyad Kusyasy, 'Konsep Pembatasan Hak Milik (Tahdid al-Milkiyyah) dan Pengambilan Hak Milik atas Tanah (al-Ta'mim) Menurut Syariat Islam', 72.

[25] Ida Madieha, 'Intellectual Property Laws and Islam in Malaysia', 271.

kepada *al-quyūd* adalah untuk mengelakkan kemudaratan dan boleh dikesan dalam beberapa kaedah fiqh, antaranya adalah: (1) kemudaratan hendaklah dihilangkan[26], (2) menanggung kemudaratan yang lebih ringan untuk mengelak kemudaratan yang lebih berat[27], (3) menanggung mudarat yang khusus untuk mencegah kemudaratan umum[28] ataupun mendahulukan *maṣlaḥah* umum ke atas *maṣlaḥah* khusus[29], (4) mencegah keburukan lebih utama berbanding meraih manfaat[30], (5) darurat membolehkan perkara yang tertegah[31], dan (6) tindakan pemerintah ke atas rakyatnya adalah berdasarkan kepada *maṣlaḥah*[32]. Berdasarkan himpunan kaedah di atas, sekatan (*al-quyūd*) terhadap pelaksanaan kebebasan ber*taṣarruf* dalam pemilikan tanah adalah supaya tidak mendatangkan mudarat atau keburukan yang lebih besar atau yang melibatkan masyarakat awam.

Al-Duraynī selanjutnya mengatakan bahawa matlamat syariah (maqasid) adalah untuk mencapai keadilan (*'adalah*). Beliau turut membenarkan campur tangan kerajaan untuk membatasi hak pemilikan (*taḥdīd al-milkiyyah*) atau hak-hak lain demi kepentingan umum[33]. Justeru, sekiranya terdapat pelaksanaan hak pemilikan tanah yang bertentangan dengan konsep *'adalah* atau yang boleh memudaratkan kepentingan umum, seperti amalan monopoli pemilikan tanah dan sebagainya, *al-quyūd* dan *taḥdīd* adalah dibenarkan berdasarkan pandangan al-Duraynī di atas.

Hal ini bertepatan dengan pendirian al-Jawwad yang menyatakan bahawa *taḥdīd al-milkiyyah* (batasan dalam pemilikan) adalah urusan kebijaksanaan *ulil amri* dalam meletakkan had harta yang boleh dimiliki individu[34]. Ali al-Khafif turut menambah bahawa *ulil amri* berhak mengehadkan pemilikan aset termasuklah tanah agar kekayaan tidak berlegar hanya di kalangan

---

26 الضرر يُزل

27 يتحمَّل الضرر الأخف لدفع الضرر الأشد

28 يتحمَّل الضرر الخاص لدفع الضرر العام

29 تقديم المصلحة العامة على المصلحة الخاصة

30 دفع المفاسد مقدم على جلب المصالح أو المنافع

31 الضرورات تبيح المحظورات

32 تصرف الإمام على رعيَّته منوط بالمصلحة

33 Al-Durayni, *Naẓariyyah al-Ta'assuf fī Isti'māl al-Ḥaqq fī al-Fiqhi al-Islāmī,* edisi ke-4 (Bayrut: Mu'assasah al-Risalah, 1977), 11-12.

34 Muhammad 'Abd al-Jawwad, *Milkiyyah al-Araḍi fī al-Islām: Taḥdid al-Milkiyyah wa al-Ta'mim* (Qahirah: al-Matba'ah al-'Alamiyyah, 1391H), 232.

orang kaya, serta harta tidak dimonopoli oleh golongan tertentu untuk dinaikkan harga[35].

Ḥurriyat al-taṣarruf yang diberikan kepada pemilik tanah perlulah bertepatan dengan syariat serta tidak mengakibatkan kemudaratan terhadap mana-mana individu atau masyarakat[36]. Sekiranya syarat-syarat ini dipenuhi, mana-mana pihak, sama ada individu atau kerajaan, tidak berhak untuk campur tangan atau mencabut pemilikan tanah individu atas sebarang alasan yang tidak diiktiraf oleh undang-undang, atau tanpa keperluan yang mendesak[37].

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat kepentingan yang lebih besar daripada kepentingan peribadi pemilik tanah, Islam membenarkan pelucutan pemilikan (*intizā' al-milkiyyah*), sama ada pelucutan berserta pampasan atas dasar untuk dijadikan tanah milik negara (*al-ta'mim*)[38], ataupun dirampas tanpa pampasan atas alasan tertentu (*al-muṣādarah*)[39].

Intizā' al-milkiyyah li al-ta'mim atau pelucutan pemilikan tanah untuk dijadikan milik negara adalah tindakan pemerintah memindahkan hak pemilikan tanah khusus kepada pemilikan negara dalam keadaan tertentu seperti dalam masa darurat dan untuk kepentingan awam[40]. *Al-ta'mim* berlaku dengan pampasan kerana pemilikan tanah khusus dipelihara oleh syariat Islam. Sebarang pengambilan tanah, mestilah dipampas dengan ganti rugi yang setimpal. Konsep *al-ta'mim* ini mengambil contoh tindakan Khalifah 'Umar yang mengambil alih tanah Jarir ibn Abdullah Bajalli untuk

---

35 M. Arsyad Kusyasy, 'Konsep Pembatasan Hak Milik (Tahdid al-Milkiyyah) dan Pengambilan Hak Milik atas Tanah (al-Ta'mim) Menurut Syariat Islam', 76.

36 Siti Mariam Malinumbay, 'The Concept of Land Ownership: Islamic Perspective', 292.

37 Muhammad Hashim Kamali, 'The Limits of Power in an Islamic State', 344; Ahmed al-Maamiry, 'Private Ownership and Its Limitations in Islam', dalam *Economics in Islam* (New Delhi: Lancer Books, 1987), 63-65.

38 M. Arsyad Kusyasy, 'Konsep Pembatasan Hak Milik (Tahdid al-Milkiyyah) dan Pengambilan Hak Milik atas Tanah (al-Ta'mim) Menurut Syariat Islam', 72.

39 Muhammad 'Abd al-Jawwad, *Milkiyyah al-Araḍi fī al-Islām: Taḥdid al-Milkiyyah wa al-*Ta'mim, 233

40 Nawi Abdullah, 'Konsep Pemilikan dalam Islam', 31; Abdul Karim Zaidan, *Kewajiban Menegakkan Negara Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1988), 72; Mas`ud ul Hasan, *Reconstruction of Political Thought in Islam* (Lahore: Islamic Publication Pvt Ltd, 1988), 116-117.

kepentingan umat Islam, lalu Jarir dibayar pampasan sebanyak 80 dinar daripada Baitulmal[41].

Intizā' al-milkiyyah juga berlaku secara *al-muṣādarah*, iaitu rampasan tanah yang berlaku tanpa pampasan seperti: (1) melucutkan pemilikan tanah kerana terbukti tanah diperolehi menerusi akad yang tidak mematuhi syariat (seperti jual beli yang batil), dan (2) mengembalikan pusaka kepada waris yang berhak dalam keadaan waris berkenaan baru dijumpai, sedangkan pembahagian pusaka tanah telahpun berlaku sebelumnya.

Ringkasnya, *ḥurriyat al-taṣarruf* dalam pemilikan tanah mempunyai batasan tertentu yang digariskan oleh syariat dan boleh diilustrasikan seperti di rajah yang berikut:

Rajah 1: *Ḥurriyat al-Taṣarruf* Pemilikan Tanah Dalam Islam



Sumber: Rumusan pengkaji berdasarkan data-data yang diperoleh berhubung *ḥurriyat al-taṣarruf* dalam pemilikan tanah menurut Islam.

KONSEP PEMILIKAN TANAH FELDA

Tanah Rancangan FELDA di Semenanjung Malaysia adalah Kawasan Penempatan Berkelompok yang diwartakan di bawah Seksyen 6 dan

[41] Irfan Mahmud Rana, *Economic System Under `Umar the Great,* edisi ke-2 (Lahore: S. II Muhammad Ashraf, 1972), 19-20.

Subseksyen 7(2) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, yang juga dikenali sebagai Akta GSA 1960[42]. Oleh kerana Akta GSA 1960 hanya terpakai di Semenanjung Malaysia, justeru skop kajian ini hanya tertumpu kepada pemilikan tanah FELDA di Semenanjung Malaysia sahaja.

Dalam satu kawasan Rancangan FELDA, terdapat dua kategori penempatan: (1) kawasan penempatan luar bandar, dan (2) kawasan penempatan bandar. Menurut Akta Tanah (Penempatan Kawasan Berkelompok) 1960 (Akta GSA 1960), kawasan penempatan luar bandar ditakrifkan sebagai kawasan ladang Peneroka berdasarkan keterangan di subseksyen 5(2) dan subseksyen 25(2)(c) Akta GSA 1960. Kawasan penempatan luar bandar mempunyai sejenis pegangan sahaja, iaitu pegangan luar bandaran seperti yang dinyatakan dalam subseksyen 7(2). Kawasan penempatan bandar pula merupakan kawasan residen menurut seksyen 6, dengan dua jenis pegangan: (1) pegangan luar bandar, dan (2) pegangan bandaran seperti yang dinyatakan dalam subseksyen 7(2) dan 7(3). Kawasan penempatan bandar dengan pegangan luar bandaran adalah untuk kediaman komuniti Peneroka FELDA, manakala kawasan penempatan bandar dengan pegangan bandaran adalah digunakan untuk tujuan komersial, perindustrian, kediaman, atau utiliti awam. Ringkasnya, kawasan penempatan di FELDA menurut Akta GSA 1960 adalah seperti di rajah yang berikut:

Rajah 2: Kawasan Penempatan di FELDA Menurut Akta GSA 1960

Sumber: Akta GSA 1960[43].

[42] Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, (Akta 530).
[43] Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960.

Peneroka dan keluarganya hanya dibenarkan menduduki Tanah Rancangan FELDA setelah mengikat perjanjian dengan FELDA menerusi dokumen Perjanjian Antara FELDA dan Peneroka[44], dan setelah didaftarkan dalam Daftar Pegangan (RoH) yang dipelihara oleh FELDA[45]. RoH berfungsi sebagai dokumen bertulis untuk Peneroka dan keluarganya menetap di Tanah Rancangan FELDA sebelum menerima hak milik tanah daripada kerajaan negeri setelah selesai melunaskan Bayaran Tahunan Disekalikan (CAC)[46].

Setelah menerima suratan hak milik daripada kerajaan negeri, Peneroka bebas memilih sama ada untuk mengusahakan ladang bersama FELDA atau mengusahakannya sendiri. Jika Peneroka memilih untuk melantik FELDA, perjanjian tanam semula akan dimeterai, mengikat peneroka selaku tuan tanah dan FELDA selaku agensi pembangunan tanah pertanian dan pembiaya kos tanam semula serta kos pengurusan kebun[47]. Jika Peneroka memilih untuk mengusahakan sendiri, Peneroka bebas memilih kontraktor, kaedah penanaman, dan menjual hasil ladang tanpa terikat dengan FELDA.

ḤURRIYAT AL-TAṢARRUF DALAM AMALAN PEMILIKAN TANAH DI FELDA

Ḥurriyat al-taṣarruf dalam pemilikan tanah perlu dikawal agar tidak memudaratkan, tidak berlaku monopoli dalam pemilikan tanah, dan mengangkat prinsip keadilan. Kawalan terhadap *ḥurriyat al-taṣarruf,* seperti *al-quyūd, taḥdīd al-milkiyyah*, dan *intizā' al-milkiyyah* ini merupakan usaha tindakan pemerintah (*taṣarruf al-imām*) dalam amalan pemilikan tanah Islam. Persoalannya, apakah batasan serta sekatan yang diperkenalkan dalam amalan pemilikan tanah di FELDA selari dengan *taṣarruf al-imām* yang diharuskan syariat? Oleh itu, matlamat sekatan yang terkandung dalam Akta GSA 1960 perlu diperjelas.

1. Matlamat Sekatan Dalam Amalan Pemilikan Tanah di FELDA

Kerajaan persekutuan (menerusi parlimen) telah menetapkan beberapa had dalam pemilikan dan batasan dalam melaksanakan hak pemilikan tanah GSA

44 Perjanjian FELDA-Peneroka.
45 Fasal 15, Perjanjian FELDA-Peneroka.
46 Fasal 23, Perjanjian FELDA-Peneroka.
47 Perjanjian Tanam Semula dan Pengurusan Kebun Antara FELDA dengan Peneroka.

di FELDA. Memetik data temu bual, informan yang merupakan seorang Penolong Pengarah Kanan di Jabatan Pengurusan Tanah FELDA memperakui kenyataan:

> *"Tujuan sekatan-sekatan dalam Akta GSA adalah mengelakkan pemilikan tanah di FELDA dijual beli dengan mudah kepada orang-orang kaya".*[48]

Berdasarkan kenyataan di atas, tujuan kerajaan mewartakan sekatan-sekatan dalam Akta GSA 1960 adalah demi kepentingan keluarga Peneroka itu sendiri. Pengurniaan tanah-tanah di FELDA adalah bermatlamat untuk memberi tanah kepada golongan yang tidak bertanah bagi merapatkan jurang kemiskinan[49]. Kenyataan 'tidak bertanah' bermaksud seseorang yang tidak memiliki tanah, ataupun memiliki tanah tetapi tidak mencukupi untuk membina kekayaan diri dan keluarga, seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 19(2) Akta GSA seperti berikut:

> *"No person who is proprietor or co-proprietor of any land other than-*
>
> *(a) country land not exceeding two acres in area;*
>
> *(b) a single plot of town land used solely for his own residential purposes; or*
>
> *(c) both such country and town land,*
>
> *shall be eligible to occupy a rural holding so long as such holding continues to be state land…".*

Untuk mengelakkan Peneroka yang telah menerima pemilikan tanah di FELDA menjual tanah yang telah diberi milik tersebut kepada golongan korporat yang kaya, maka kerajaan persekutuan telah mengenakan beberapa sekatan dalam urusan pindah milik dan serah milik, yang hanya boleh dilakukan kepada individu yang layak menurut Akta GSA 1960 sahaja. Secara logik, sekatan ini mengandungi usaha untuk mengelakkan amalan monopoli tanah daripada kalangan orang kaya.

---

48 Mohd Khairil Izzi (Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Tanah FELDA), dalam temu bual bersama penyelidik, 1 Mac 2024.

49 Mohd Khairil Izzi (Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Tanah FELDA), dalam temu bual bersama penyelidik, 1 Mac 2024.

2. *Ḥurriyat al-Taṣarruf* dalam Amalan Pemilikan Tanah FELDA

Dalam konteks pemilikan tanah di FELDA, beberapa perkara perlu diperjelas untuk menilai kewujudan *ḥurriyat al-taṣarruf* dalam amalan pemilikan tanah peneroka di FELDA bersandarkan kepada fiqh. Kupasan *ḥurriyat al-taṣarruf* meliputi beberapa perkara seperti berikut: (1) kebebasan dalam urusan pindah milik tanah, (2) kebebasan dalam turun milik tanah, (3) wakaf tanah, dan (4) kebebasan menguruskan ladang.

a) *Ḥurriyat al-Taṣarruf* dalam Amalan Pindah Milik Tanah

Perkara pertama yang dinilai dalam *ḥurriyat al-taṣarruf* adalah kebebasan peneroka dalam urusan pindah milik tanah. Pindah milik dalam konteks pentadbiran tanah di Malaysia adalah urusan yang menyebabkan perpindahan hak milik tanah sama ada: (1) dengan imbal kembali menerusi akad jual beli, (2) tanpa imbalan menerusi akad hibah, ataupun (3) secara tuntutan seperti amalan harta sepencarian.

Akta GSA 1960 telah menetapkan bahawa urusan perpindahan hak pemilikan tanah di FELDA Semenanjung Malaysia hanya boleh berlaku di kalangan waris kadim peneroka atau bekas isteri peneroka sahaja[50]. Batasan ini digubal untuk mengelakkan tanah di FELDA bertukar pemilikan kepada pihak di luar lingkungan generasi peneroka asal.

Batasan dalam senarai pihak yang dibenarkan untuk dipindah milik ini adalah bertujuan untuk melindungi pemilikan aset di kalangan etnik Melayu yang merupakan penduduk majoriti dalam kawasan FELDA. Ramai yang tidak memahami hikmah di sebalik batasan senarai pihak yang boleh

[50] Seksyen 15(2A), Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960. Seksyen 15 (2A) telah menggunakan perkataan 'waris kadim' yang ditafsirkan oleh Seksyen 2 Akta GSA 1960 sebagai waris daripada kalangan kerabat. Perkataan waris kadim disilang rujuk dengan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, *Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 42/2009: Garis Panduan Pemakaian Seksyen 14, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 2002 Bagi Menguruskan Permohonan Untuk Memasukkan Pemegang Bersama (Co-holder) Di Atas Pegangan Desa (Rural Holding)* (Putrajaya: Jabatan Ketua Pengarah dan Galian Persekutuan, 2010), 2, yang membawa maksud 'waris-waris yang layak menerima pusaka si mati sahaja'. Justeru, waris kadim pada hakikatnya adalah merujuk kepada *aṣḥāb al-furuḍ* dan waris *`aṣabah* dalam disiplin faraid Islam.

dipindah milik. Batasan ini digubal untuk mengurangkan jurang kemiskinan antara etnik yang pernah menjadi salah satu punca kepada rusuhan kaum[51].

Amalan pindah milik tanah di FELDA Semenanjung Malaysia, sama ada menerusi akad jual beli ataupun hibah, telah membenarkan peneroka untuk memindah milik tanah kepada waris kadim ataupun kepada bekas isteri, terhad kepada limitasi separuh bahagian tanah sahaja yang boleh dipindah milik oleh peneroka. Oleh itu, peneroka FELDA pada hakikatnya bebas melakukan transaksi jual beli tanah di FELDA dengan batasan hanya di kalangan individu yang berikut[52]: (1) bekas isteri, (2) waris *aṣḥāb al-furūḍ*[53], dan (3) waris *'aṣabah*[54].

Batasan dalam *taṣarruf* ini walaupun tampak membataskan ruang untuk peneroka melaksanakan urusan jual beli dan hibah, tetapi tidak pula menafikan hak peneroka untuk meneruskan urusan berkenaan. Urusan akad jual beli dan hibah tetap dibenarkan kepada individu yang dibenarkan sahaja untuk memelihara pemilikan tanah agar tidak terkeluar daripada pegangan generasi keluarga peneroka asal. Batasan ini juga tidak dianggap sebagai syarat dalam akad *iqṭā' tamlīk* kerana batasan berkenaan hanya wujud disebabkan oleh perundangan tanah negara, bukan sebagai syarat dalam akad *iqṭā' tamlīk* daripada kerajaan negeri kepada peneroka. Batasan berkenaan telah dikenakan oleh kerajaan persekutuan, sedangkan akad *iqṭā' tamlīk* pula adalah antara kerajaan negeri dengan peneroka yang menguatkan lagi hujah bahawa batasan yang tersebut di atas bukanlah syarat dalam *iqṭā' tamlīk*.

Berdasarkan keterangan di atas, *ḥurriyat al-taṣarruf* dalam amalan pindah milik tanah di FELDA wujud menerusi akad jual beli dan hibah dengan batasan undang-undang negara yang ditetapkan oleh pemerintah atas dasar keperluan melindungi pemilikan tanah agar pegangan tanah tetap beredar dalam kalangan keluarga peneroka asal (untuk pemilikan tanah FELDA di Semenanjung Malaysia). Batasan berkenaan juga tidak kekal

---

51 Pejabat Perdana Menteri, 'Dasar Ekonomi Baru', *Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri Malaysia*, https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/03DASAR_EKONOMI_BARU.pdf, diakses pada 14 Januari 2024; Jabatan Perangkaan Malaysia, *Ketidaksamarataan Pendapatan Malaysia 2022* (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023), 5.

52 Seksyen 15(2B), Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok), 1960.

53 Waris yang menerima bahagian yang telah ditetapkan oleh syariat.

54 Waris yang menerima baki setelah pembahagian kepada *aṣḥāb al-furūḍ* dilakukan.

kerana kerajaan persekutuan boleh meminda Akta GSA 1960 sekiranya keperluan untuk membatasi *taṣarruf* berkenaan sudah tidak relevan.

Selain pindah milik menerusi akad jual beli dan hibah, pindah milik tanah juga boleh berlaku menerusi tuntutan harta sepencarian. Harta sepencarian (*matrimonial property*) merupakan salah satu adat yang telah wujud di kepulauan Melayu. Di FELDA, penerokawati boleh menuntut harta sepencarian ke atas pemilikan tanah di Rancangan FELDA sekiranya berlaku kematian ataupun perceraian. Hak ini juga dilindungi menerusi seksyen 15(2B) Akta GSA 1960 yang menegaskan bahawa mahkamah boleh memerintahkan pindah milik pemilikan tanah di FELDA secara tidak dipecah sempadan mengikut Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri. Maka, apabila mahkamah mengeluarkan perintah pembahagian tuntutan harta sepencarian, nama penerokawati yang menuntut harta sepencarian perlu didaftarkan dalam Suratan Hak Milik tanah. Walaupun penerokawati diberikan hak untuk melakukan tuntutan harta sepencarian, namun penerokawati berkenaan juga bebas memilih sama ada untuk mengambil hak tersebut ataupun sebaliknya. Inilah antara bukti kewujudan *ḥurriyat al-taṣarruf* yang ada dalam amalan pindah milik tanah di FELDA.

b) *Ḥurriyat al-Taṣarruf* dalam Amalan Turun Milik Tanah

Selanjutnya, perkara kedua yang mempunyai kaitan dalam *ḥurriyat al-taṣarruf* adalah kebebasan peneroka dalam menurun milik tanah. Turun milik dalam konteks pemilikan tanah di FELDA berlaku selepas kematian pemilik tanah, yang berbeza dengan konsep pindah milik yang berlaku semasa pemilik tanah masih hidup. Sehubungan itu, turun milik tanah berkait rapat dengan akad wasiat dan juga pembahagian pusaka kerana kedua-duanya merupakan perpindahan pemilikan tanah selepas berlakunya kematian.

Pewujudan wasiat di FELDA adalah dibenarkan kerana seksyen 15(2B) Akta GSA 1960 menetapkan bahawa pemilikan tanah GSA boleh dipegang secara perkongsian tidak dipecah sempadan mengikut perintah mahkamah berdasarkan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri. Walau bagaimanapun, penyelidik tidak menjumpai sebarang pekeliling ataupun garis panduan yang menentukan prosedur atau tatacara permohonan wasiat pemilikan tanah di FELDA. Hal ini boleh mendatangkan kekeliruan sekiranya berlaku wasiat ke atas penama yang bukannya waris ataupun bekas isteri kepada peneroka. Sentimen bahawa 'tanah di FELDA hendaklah dipindahmilik kepada waris atau bekas isteri' kelihatan benar, tetapi daripada sudut aplikasinya tidak jelas kerana instrumen wasiat bukanlah instrumen pindah milik, sebaliknya ia merupakan instrumen turun milik.

Batasan dalam amalan pindah milik telah dinyatakan secara literal dalam Seksyen 15(2A) Akta GSA 1960, namun untuk isu berkait wasiat yang merupakan turun milik, Seksyen 15(2B) Akta GSA 1960 perlu dirujuk. Seksyen ini secara literal memberikan kuasa kepada mahkamah untuk menetapkan bahagian pemilikan tanah berdasarkan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri. Walau bagaimanapun, urusan wasiat bagi orang Islam pada hakikatnya tidak termaktub dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri. Sebaliknya, urusan wasiat telah digubal dalam Enakmen Wasiat Orang Islam[55] ataupun Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri untuk negeri-negeri yang tidak mempunyai enakmen khusus berkenaan wasiat.

Jika terdapat hujah yang mendakwa bahawa perbezaan enakmen dijadikan sebagai asas untuk menolak pelaksanaan wasiat di FELDA, maka logik yang sama juga perlu diaplikasi dan terpakai untuk menolak proses pembahagian pusaka di FELDA. Hal ini kerana, pembahagian pusaka tidak termaktub dalam Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri. Urusan pembahagian pusaka dilaksana dengan merujuk kepada Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98] (untuk pembahagian harta pusaka yang bernilai di bawah RM2 juta). Oleh yang demikian, salah seorang informan yang merupakan Pengarah di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, telah mencadangkan agar Akta GSA 1960 dipinda untuk mengatasi kelemahan dalam amalan turun milik yang masih tidak jelas dalam Akta GSA 1960[56].

Berdasarkan keterangan di atas, *ḥurriyat al-taṣarruf* pada hakikatnya wujud dalam amalan turun milik tanah peneroka FELDA. Peneroka boleh menurun milik menerusi instrumen wasiat kepada individu bukan waris tertakluk kepada had 1/3 seperti yang digariskan oleh syariat Islam. Walau bagaimanapun, hanya nama waris kadim atau bekas isteri sahaja yang boleh didaftarkan sebagai pentadbir dalam Suratan Hak Milik. Sekiranya berlaku

---

[55] Tidak semua negeri mempunyai Enakmen Wasiat Orang Islam. Negeri-negeri yang mempunyai enakmen khusus berkenaan wasiat orang Islam adalah: **(1) Selangor**; Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 (No.4, tahun 1999), **(2) Negeri Sembilan**; Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 (No.5, tahun 2004), **(3) Melaka**; Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Melaka) 2005, **(4) Kelantan**; Enakmen Wasiat Orang Islam (Kelantan) 2009, dan **(5) Sabah**; Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sabah) 2018 No.8 Tahun 2018.

[56] Jaiya Abu (Pengarah, Pakar Bidang Khusus Pentadbiran dan Pengurusan Tanah, Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan), dalam temubual bersama penyelidik, 11 Ogos 2023.

kematian peneroka, penerima wasiat tetap akan mendapat hak milik tanahnya berdasarkan ketetapan wasiat terhad kepada maksimum 1/3 bahagian, manakala waris-waris si mati akan dilantik sebagai pentadbir tanah mewakili semua *syarīk* (pemilik tanah bersama).

c) *Ḥurriyat al-Taṣarruf* dalam Wakaf Pemilikan Tanah

Selanjutnya, aspek ketiga yang berkaitan dengan *ḥurriyat al-taṣarruf* terdapat dalam konteks wakaf tanah. Terdapat beberapa isu yang perlu diperjelas berhubung wakaf tanah di FELDA: (1) status pegangan pemilikan tanah FELDA, dan (2) kewujudan ruang untuk berwakaf terhadap pemilikan tanah di FELDA Semenanjung Malaysia.

Malaysia telah menggunapakai Sistem Pemilikan Tanah Torrens yang telah bertapak sebagai sistem pemilikan tanah perdana di Malaysia sejak sekian lama[57]. Dalam sistem Torrens di Malaysia, pegangan pemilikan tanah dibahagikan kepada dua: (1) pemilikan selama-lamanya, dan (2) pemilikan untuk tempoh tertentu (30, 60 tahun dan tidak lebih 99 tahun)[58]. Lazimnya dalam bahasa komersial, pemilikan tanah secara selama-lamanya turut dikenali sebagai pegangan bebas ataupun *freehold*, manakala pemilikan tanah untuk suatu tempoh turut dikenali sebagai *leasehold*[59].

Pewakafan pada tanah *freehold* tidak mendatangkan isu-isu rumit dalam perspektif syariah kerana pewakafan tersebut telah menepati sifat *ta'bid*[60] terhadap *mawquf* yang diwakafkan. Walau bagaimanapun, kerajaan negeri tidak lagi mengurniakan hak pemilikan tanah secara *freehold* sejak 1985[61], justeru, segala pengurniaan hak milik tanah adalah secara *leasehold* sahaja.

Isu keharusan wakaf tanah *leasehold* perlu diperjelas kerana kewujudan sentimen '*leasehold* tidak menghasilkan *milk al-tām* disebabkan oleh tempoh pegangan pemilikan tanah yang terhad kepada tempoh tertentu'.

---

57 Salleh Buang, *Malaysian Torrens System,* edisi ke-2 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015), 8.

58 Seksyen 76, Kanun Tanah Negara, 1965.

59 Salleh Buang, *Land Tenure in Peninsular Malaysia,* ed. ke-2 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 94.

60 Sifat *ta'bid* walaupun secara literal merujuk kepada secara abadi ataupun selama-lamanya, namun secara kontekstualnya ia tidaklah merujuk kepada abadi kerana tiada suatu pun yang abadi di dunia. Sifat *ta'bid* dalam konteks wakaf merujuk kepada tempoh yang bersandarkan kepada hayat sesuatu harta. Pokok yang diwakafkan selama-lamanya mempunyai sifat *ta'bid* iaitu sehingga hayat pokok berkenaan, walaupun kita mengetahui bahawa jangka hayat pokok tertakluk kepada suatu tempoh tertentu.

61 T.p., *Kanun Tanah Negara (Akta 828) 1965* (Selangor: International Law Book Services, 2022), 641.

Oleh itu, Muzakarah Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang ke-65 pada tahun 2004, telah mengeluarkan fatwa bahawa, "*mewakafkan tanah hak milik terhad (leasehold) adalah sah dan diterima oleh syarak*". Persoalannya, bagaimanakah wakaf tanah *leasehold* menepati syarat *ta'bid* dalam akad wakaf?

Persoalan di atas boleh dijawab dengan meneliti sifat tempoh pegangan pemilikan tanah menurut perundangan tanah itu sendiri. Seksyen 340 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 telah menetapkan bahawa pemilik yang telah dikurniakan hak milik tanah mendapat hak milik yang tidak disangkal[62] tidak mengira sama ada pemilikan tersebut adalah pemilikan selama-lamanya ataupun pemilikan untuk suatu tempoh. Ini menunjukkan bahawa pemilikan tanah untuk suatu tempoh tertentu berkongsi keistimewaan dan hak eksklusif yang sama dengan pemilikan tanah selama-lamanya. Hal ini dikuatkan lagi dengan konsep unik dalam sistem Torrens itu sendiri iaitu konsep 'daftar adalah segalanya'[63]. Kedua-dua pemilikan selamanya dan untuk suatu tempoh memberikan pemiliknya suatu daftar pemilikan tanah yang dipanggil Suratan Hak Milik. Ini memperkukuhkan lagi pandangan yang mengatakan bahawa pemilikan tanah untuk suatu tempoh di Malaysia adalah hak pemilikan yang meliputi pemilikan ke atas zat dan manfaat tanah. Malah, sekiranya tanah-tanah yang dikatakan sebagai *leasehold* berkenaan dilaksanakan *intizā' al-milkiyyah* oleh *ulil amri*, pemiliknya perlu diberi pampasan, menunjukkan wujudnya elemen *al-milkiyyah* pada zat tanah. Oleh kerana terdapat kewujudan *al-milkiyyah* pada zat dan manfaat tanah, maka teori tanah *leasehold* sebagai *milk al-tām* wajar diterima serta bertepatan dengan fatwa yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Tempoh pegangan pemilikan tanah pada tanah *leasehold* dilihat sebagai jangka hayat dalam *al-milkiyyah* tanah. Justeru, tempoh pegangan 99 tahun menunjukkan bahawa hayat *al-milkiyyah* tanah adalah selama 99 tahun. Malah, hayat ini boleh diperbaharui menerusi jaminan seksyen 90(a) KTN 1965. Keterangan di atas ini membuktikan bahawa sifat *ta'bid* wujud pada tanah-tanah milik *leasehold* melihatkan kepada hak pemilikan yang sama diberikan kepada tanah *leasehold* seperti tanah-tanah *freehold*.

Tanah-tanah di FELDA yang telah diberi milik kepada peneroka oleh kerajaan negeri merupakan tanah pegangan pemilikan untuk tempoh 99

---

[62] Mohd Zaidi Daud, Muhammad Azri Amir & Siti Aisyah Samudin, 'Pemakaian Seksyen 340 Kanun Tanah Negara Menurut Perundangan Islam Di Malaysia', *Journal of Muwafaqat,* vol. 6/1 (2023): 20.

[63] Salleh Buang, *Malaysian Torrens System*, 14.

tahun. Dengan erti kata lain, pengurniaan tanah di FELDA adalah pengurniaan hak milik tanah, bukanlah hak penggunaan tanah semata-mata. Hak pemilikan tanah ini pula meliputi pemilikan zat tanah dan manfaat tanah, justeru penyelidik cenderung kepada teori *milk al-tām* terpakai ke atas pemilikan tanah di FELDA untuk kategori tanah-tanah yang telah diberi milik kepada peneroka. Walau bagaimanapun, status *milk al-tām* ini boleh bertukar kepada *al-nāqiṣ* sekiranya terdapat suatu perjanjian ataupun kontrak telah menyebabkan salah satu *al-milkiyyah* (zat atau manfaat tanah) berpindah kepada pihak lain.

Setelah isu status pegangan tanah di FELDA diperjelaskan, isu kedua iaitu isu *ḥurriyat* dalam mewakafkan tanah FELDA di Semenanjung perlu diberi perhatian. Memandangkan sistem pemilikan tanah di Malaysia mengamalkan sistem Torrens, pendaftaran tanah perlu dilakukan atas nama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di lokasi tanah tersebut berada. Walaupun tanah wakaf belum didaftarkan atas nama MAIN, secara syaraknya status tanah tersebut telah diiktiraf sebagai tanah wakaf dan segala hukum berkait wakaf berkuatkuasa ke atasnya jika segala rukun dan syarat wakaf telah dipenuhi.

Menariknya, penyelidik mendapati tidak ada mana-mana seksyen dalam Akta GSA 1960 yang menyentuh persoalan wakaf apatah lagi menyekat pemilik tanah di FELDA untuk berwakaf. Ditambah pula dengan keadaan FELDA tidak mempunyai sebarang garis panduan khusus serta peraturan dalaman berhubung pewakafan tanah di FELDA.

Jika terdapat hujah yang menyatakan bahawa *ḥurriyat al-taṣarruf* dalam berwakaf tidak wujud dalam pemilikan tanah di FELDA kerana isu pendaftaran hak milik, hujah ini boleh dibatalkan dengan merujuk kepada Seksyen 44 Akta GSA 1960. Seksyen ini membolehkan tanah di FELDA dikeluarkan daripada kawasan penempatan berkelompok dan tidak lagi terikat dengan Akta GSA 1960. Apabila tanah berkenaan sudah tidak terikat dengan Akta GSA 1960, proses pendaftaran tanah wakaf boleh dilanjutkan menerusi Borang 14A, Borang 30A, Borang 30B ataupun secara peletakan berkanun Seksyen 416C Kanun Tanah Negara 1965.

Berdasarkan keterangan di atas, urusan wakaf tanah di FELDA tidak boleh dikatakan mustahil kerana peruntukan undang-undang sedia ada tidak menyekat urusan wakaf tanah, sebaliknya hanya menghalang pendaftaran nama dilakukan kepada nama organisasi seperti MAIN. Peruntukan undang-undang sedia ada turut memberi jalan keluar untuk isu kesukaran pendaftaran tanah wakaf kepada organisasi menerusi seksyen 44 Akta GSA 1960. Malah, Akta GSA 1960 tidaklah sebegitu mutlak sehingga tidak boleh dipinda di Parlimen. Usaha mengharmonikan Akta GSA 1960 dengan

syariat Islam perlu digiatkan agar berlaku pindaan perundangan yang selari dengan amalan pemilikan tanah Islam.

d) *Ḥurriyat al-Taṣarruf* dalam Urusan Pembangunan Tanah Ladang

Selanjutnya, perkara keempat yang mempunyai kaitan dalam *ḥurriyat al-taṣarruf* adalah kebebasan peneroka dalam menguruskan tanah pertanian mereka. Dalam amalan pengurusan dan pentadbiran FELDA, terdapat dua jenis kategori peneroka FELDA iaitu: (1) Peneroka bersama FELDA, dan (2) Peneroka mandiri. Kedua-dua kategori peneroka ini ditentukan berdasarkan kepada pengurusan tanah pertanian; sekiranya tanah tersebut diuruskan oleh FELDA, maka kategori peneroka berkenaan adalah Peneroka bersama FELDA.

Peneroka bersama FELDA terikat dengan FELDA menerusi perjanjian-perjanjian yang dipersetujui bersama seperti Perjanjian Tanam Semula dan Pengurusan Kebun serta Perjanjian Penghapusan Hutang. Antara intipati Perjanjian Tanam Semula dan Pengurusan Kebun yang dapat dikongsi adalah seperti tanggungjawab FELDA dalam: (1) menyediakan kos tanam semula kepada peneroka bersama FELDA[64], (2) menyediakan kemudahan pinjaman sara hidup[65], (3) menyediakan kemudahan pinjaman pendahuluan hasil[66], (4) menguruskan ladang Peneroka menggunakan amalan pertanian terbaik (*Good Agricultural Practice* atau GAP)[67], (5) mewakili pihak Peneroka menguruskan jual beli hasil ladang[68], dan (6) memastikan hasil ladang Peneroka mencapai tahap yang optimum[69].

Manakala tanggungjawab peneroka pula adalah: (1) membayar cukai tanah kepada kerajaan negeri agar tanah tidak dirampas oleh kerajaan negeri kerana keingkaran membayar cukai[70], (2) membayar kembali hutang

[64] Klausa 3, Dokumen Perjanjian Tanam Semula dan Pengurusan Kebun Antara FELDA dengan Peneroka (tahun 2014 dan sebelum).

[65] Klausa 6, Dokumen Perjanjian Tanam Semula dan Pengurusan Kebun Antara FELDA dengan Peneroka (tahun 2014 dan sebelum).

[66] Klausa 7, Dokumen Perjanjian Tanam Semula dan Pengurusan Kebun Antara FELDA dengan Peneroka (tahun 2014 dan sebelum).

[67] Klausa 11, Dokumen Perjanjian Tanam Semula dan Pengurusan Kebun Antara FELDA dengan Peneroka (tahun 2014 dan sebelum).

[68] Klausa 14(c), Dokumen Perjanjian Tanam Semula dan Pengurusan Kebun Antara FELDA dengan Peneroka (tahun 2014 dan sebelum).

[69] Klausa 11, Dokumen Perjanjian Tanam Semula dan Pengurusan Kebun Antara FELDA dengan Peneroka (tahun 2014 dan sebelum).

[70] Klausa 14(e), Dokumen Perjanjian Tanam Semula dan Pengurusan Kebun Antara FELDA dengan Peneroka (tahun 2014 dan sebelum).

pembangunan tanam semula, pinjaman sara hidup serta pendahuluan hasil[71], (3) tidak memajak ladangnya kepada mana-mana entiti[72], dan (4) tidak memindah milik tanah melainkan dengan kebenaran FELDA[73].

Peneroka mandiri sebaliknya bebas memilih kontraktor mengikut kadar kemampuannya, serta tidak terikat dengan perkara yang dinyatakan di atas. Terdapat pro dan kontra antara kedua-dua kategori peneroka di atas. Peneroka bersama FELDA menikmati pembiayaan dalam bentuk pinjaman untuk menampung kos tanam semula ladang pertanian miliknya, tetapi terikat dengan beberapa perkara seperti *al-quyūd* dalam urusan pindah milik tanah. Manakala peneroka mandiri pula, seperti yang telah disebut, bebas ber*taṣarruf* dalam menguruskan ladang miliknya, tetapi segala kos pembangunan dan pembangunan tanah perlu dibiayai sendiri. Di sini jelas terlihat bahawa pembatasan dalam ber*taṣarruf* untuk mengusahakan ladang milik sendiri tidak berpunca daripada Akta GSA 1960, sebaliknya ia berpunca daripada kesan perjanjian-perjanjian yang dimaterai bersama serta penguatkuasaannya mengikut Akta Kontrak 1950.

Justeru, elemen *ḥurriyat al-taṣarruf* pada hakikatnya wujud dalam konteks pengurusan tanah pertanian kerana peneroka FELDA diberi kebebasan memilih sama ada untuk membangunkan tanah pertanian menggunakan pembiayaan dan perkhidmatan FELDA ataupun menguruskannya secara sendiri menggunakan kos dan usaha sendiri.

KESIMPULAN

Dalam Islam, setiap pemilik tanah diberikan kebebasan dalam ber*taṣarruf* (*ḥurriyat al-taṣarruf*) terhadap tanah yang dimiliki. Namun, kebebasan ini tidak bermakna pemilik tanah boleh bertindak sesuka hati dan mutlak, kerana pemilik mutlak tanah adalah Allah Ta'ālā[74]. Justeru, *ḥurriyat al-taṣarruf* dalam pemilikan tanah perlu dikawal agar menepati kehendak syariat[75].

---

71 Klausa 14(f), Dokumen Perjanjian Tanam Semula dan Pengurusan Kebun Antara FELDA dengan Peneroka (tahun 2014 dan sebelum).

72 Klausa 14(h), Dokumen Perjanjian Tanam Semula dan Pengurusan Kebun Antara FELDA dengan Peneroka (tahun 2014 dan sebelum).

73 Klausa 14(i), Dokumen Perjanjian Tanam Semula dan Pengurusan Kebun Antara FELDA dengan Peneroka (tahun 2014 dan sebelum).

74 'Abd al-Hamid Mutawalli, *Mabādi' Niẓām al-Ḥukmi fī al-Islām*, 314.

75 Siti Mariam Malinumbay, 'The Concept of Land Ownership: Islamic Perspective', 293.

Dalam konteks pemilikan tanah di FELDA, *ḥurriyat al-taṣarruf* sebenarnya wujud dalam amalan pindah milik, turun milik, wakaf tanah, dan pembangunan ladang pertanian, walaupun terdapat beberapa sekatan dalam pemilikan tanah GSA di FELDA. Kebebasan ini wujud kerana beberapa faktor: (1) ketidakjelasan Akta GSA 1960 berhubung amalan pindah milik dan turun milik tanah kepada selain ahli waris, (2) ketiadaan sekatan dalam urusan wakaf tanah, (3) ruang pelaksanaan wakaf tanah menerusi seksyen 44 Akta GSA 1960, (4) Akta GSA 1960 tidak mutlak dan boleh dipinda di Parlimen, serta (5) kebebasan peneroka untuk memilih jenis pembiayaan dan pengurusan ladang.

Tuntasnya, kajian ini telah berjaya mencapai objektifnya iaitu: (1) menghuraikan konsep *ḥurriyat al-taṣarruf* dalam pemilikan tanah Islam, (2) menghuraikan konsep pemilikan tanah di FELDA, dan (3) menganalisis *ḥurriyat al-taṣarruf* dalam pemilikan tanah di FELDA. Hasil kajian ini boleh menjadi asas untuk kajian lanjut dalam usaha mengharmonikan Akta GSA 1960 dengan prinsip syariat dalam konteks pemilikan tanah. Oleh itu, disarankan agar kajian mendalam dijalankan berhubung penambahbaikan amalan pemilikan tanah di FELDA berdasarkan fiqh, sebagai usaha berterusan untuk mengintegrasikan undang-undang tanah kontemporari dengan fiqh pemilikan tanah.

RUJUKAN

‘Abd al-Hamid Mutawalli, *Mabādi’ Niẓām al-Ḥukmi fī al-Islām*, edisi ke-3 (Iskandariah, Misr: Mansha’ah al-Ma‘arif, 1977).

Abdul Karim Zaidan, *Kewajiban Menegakkan Negara Islam* (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1988).

Ahmed al-Maamiry, ‘Private Ownership and Its Limitations in Islam,’ dalam *Economics in Islam* (New Delhi: Lancer Books, 1987)

T.p., *Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530]* (Kuala Lumpur: The Commisioner of Law Revision, 2006).

Ali Akbar, ‘Konsep Kepemilikan Dalam Islam,’ *Jurnal Ushuluddin*, vol. 18/2 (2012).

John W. Creswell dan Cheryl N. Poth, *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (United Kingdom: SAGE Publications, 2018).

Al-Durayni, *Naẓariyyah al-Ta‘assuf fī Isti‘māl al-Ḥaqq fī al-Fiqhi al-Islāmī,* edisi ke-4 (Bayrut: Mu’assasah al-Risalah, 1977).

Ida Madieha, 'Intellectual Property Laws and Islam in Malaysia' (Tesis Ph.D, London: Queen Mary & Westfield College, 1995).

Irfan Mahmud Rana, *Economic System Under Umar The Great,* edisi ke-2 (Lahore: Sh Muhammad Ashraf, 1972)

Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, *Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 42/2009: Garis Panduan Pemakaian Seksyen 14, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) (Pindaan) 2002 Bagi Menguruskan Permohonan Untuk Memasukkan Pemegang Bersama (Co-holder) Di Atas…* (Putrajaya: Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010).

Jabatan Perangkaan Malaysia, *Ketidaksamarataan Pendapatan Malaysia 2022* (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023).

_____, *Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019* (Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020), https://www,dosm,gov,my/portal-main/release-content/household-income-&-basic-amenities-survey-report-2019

Jaiya Abu (Pengarah, Pakar Bidang Khusus Pentadbiran dan Pengurusan Tanah, Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan), dalam temu bual bersama pengkaji, 11 Ogos 2023.

Jomo Kwame Sundaram, *Alternatif Ekonomi Islam: Perspektif Kritis dan Haluan Baru* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996).

Jufriadi Ramli & Ibnor Azli Ibrahim, 'Perkahwinan dengan Wanita Ahli Kitab menurut Ijitihad 'Umar bin al-Khattab,' *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Social Sciences*, vol. 5/2 (2022), https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/299/552

T.p., *Kanun Tanah Negara [Akta 828], 1965* (Selangor: International Law Book Services, 2022)

M. Arsyad Kusyasy, 'Konsep Pembatasan Hak Milik (Tahdid al-Milkiyyah) dan Pengambilan Hak Milik atas Tanah (al-Ta'mim) Menurut Syariat Islam,' *Al-Mawarid*, vol. 9 (2003).

Mas`ud ul Hasan, *Reconstruction of Political Thought in Islam* (Lahore: Islamic Publication Pvt Ltd, 1988).

Al-Mawardi, *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah al-Wilāyāt al-Diniyyah* (Kuwayt: Dar Ibn Qutaibah, 1989).

Mohammad Muhibbin, 'Perspektif Hukum Islam Tentang Konsep Penguasaan Tanah,' *Al-Risalah Forum Kajian Hukum dan Sosial Kemasyarakatan*, vol. 17/1 (2017), https://media.neliti.com/media/publications/286274-the-concept-of-land-ownership-in-the-per-97d4d9b0.pdf

Mohd Khairil Izzi (Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Tanah FELDA), dalam temu bual bersama pengkaji, 1 Mac 2024.

Mohd Zaidi Daud, Muhammad Azri Amir & Siti Aisyah Samudin, 'Pemakaian Seksyen 340 Kanun Tanah Negara Menurut Perundangan Islam Di Malaysia,' *Journal of Muwafaqat*, vol. 6/1 (2023).

Muhamad Hafizullah & Md Yazid, 'Syarat–Syarat Iqta' dalam Undang-Undang Tanah Islam,' *Fikiran Masyarakat*, vol. 5/3 (2017).

Muhammad 'Abd al-Jawwad, *Milkiyyah al-Araḍi fī al-Islām: Taḥdid al-Milkiyyah wa al-Ta'mim* (Qahirah: al-Matba'ah al-'Alamiyyah, 1391H).

Muhammad Hashim Kamali, 'The Limits of Power in an Islamic State,' *Islamic Studies Quarterly Journal*, vol. 28/4 (1989), http://www.jstor.org/stable/20839967

Muhammad Nejatullah Siddiqqi, *Pemikiran Ekonomi Islam: Satu Tinjauan Penulisan Semasa* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989).

Muhammad Yusuf, *Economic Justice in Islam*, edisi ke-2 (Lahore: SH Muhammad Ashraf, 1977).

Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā & 'Ali al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhajī 'alā Madhhab al-Imām al-Shāfi'ī,* edisi ke-3, vol. 5 (Bayrut: Dar al-Fikr, 1992).

Nawi Abdullah, 'Konsep Pemilikan di dalam Islam,' *Jurnal Usuluddin*, vol. 19 (2004).

Nuzhat Iqbal, 'The Concept of Land Ownership in Islam and Poverty Allevation in Pakistan,' *The Pakistan Development Review*, vol. 39/4 Part 2 (2000).

Pejabat Perdana Menteri, 'Dasar Ekonomi Baru', *Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri Malaysia*, https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/Dasar/03DASAR_EKONOMI_BARU.pdf, diakses pada 14 Januari 2024.

Salleh Buang, *Land Tenure in Peninsular Malaysia*, edisi ke-2 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014).

_____, *Malaysian Torrens System*, edisi ke-2 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015).

Siti Mariam Malinumbay, 'The Concept of Land Ownership: Islamic Perspective,' *Buletin Geoinformasi*, vol. 2/2 (1998).

Wahbah al-Zuhayli, *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuhu*, edisi ke-2, vol. 5 (Dimashq: Dar al-Fikr, 1985).